



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari,  
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

---

Rujukan kami : KOHAB/MKLMN/2021/0001

Tarikh : 6 Januari 2021

Kepada : Ejen

Pengurus Agensi ( AM )

Pengurus Agensi Kumpulan ( GAM )

Pengurus Agensi ( AD )

Pengarah Agensi Kumpulan ( GAD )

Daripada : Pengerusi Koperasi Hartanah Anggun Berhad

S.K : Ahli Lembaga Koperasi, Koperasi Hartanah Anggun Berhad

Jabatan dan Biro Koperasi Hartanah Anggun Berhad

Ahli – ahli Koperasi Hartanah Anggun Berhad

---

## PENAFIAN PENERIMAAN TAWARAN DAN PEMASARAN PROJEK PERUMAHAN TERBARU

Perkara diatas adalah di rujuk.

2. Koperasi Hartanah Anggun Berhad dengan ini **MENAFIKAN** bahawa Koperasi ada menerima tawaran atau lantikan daripada pihak pemaju untuk memasarkan dan menguruskan projek perumahan terbaru seperti yang di tularkan di media sosial oleh Puan Zainab binti Shahril melalui akaun *Facebook* beliau, Zayra Iman baru – baru ini.
3. Untuk makluman anggota Koperasi, pengurusan Koperasi akan melalui beberapa siri rundingan terlebih dahulu dengan pihak pemaju sebelum Projek Perumahan dapat dipasarkan dan antara intipati rundingan tersebut adalah berkaitan Skim Zero Deposit, teknikal dan pengurusan pemprosesan fail jualan serta komisen anggota.
4. Untuk makluman anggota Koperasi, sesuatu projek hanya akan dilancarkan oleh Koperasi selepas penerimaan surat lantikan daripada pemaju dan pihak Koperasi akan membekalkan *marketing tools* berkaitan projek seperti poster, *slide presentation*, *copywriting*, gambar atau video untuk kemudahan anggota.
5. Oleh yang sedemikian, Koperasi dengan ini menyatakan bahawa Koperasi Hartanah Anggun Berhad **tidak terlibat atau mempunyai sebarang kerjasama rasmi** dengan pemaju atau anggota Koperasi tersebut seperti yang ditularkan.



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 16, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

---

6. Koperasi dengan ini menyatakan bahawa sebarang bentuk tawaran yang di tawarkan oleh beliau adalah berdasarkan kapasiti peribadi anggota tersebut dan Koperasi **tidak mempunyai sebarang kaitan** dan **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya terdapat isu - isu berkaitan projek tersebut di masa hadapan.

7. Kerjasama dan perhatian daripada anggota Koperasi didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

8. Penyampaian bagi pekeliling ini adalah mencukupi dengan mengambilkira cara penyampaian samada melalui kiriman aplikasi *whatsapp* atau dihantar ke alamat ahli Koperasi ( alamat tempat tinggal atau surat menyurat ) sepertimana tertakluk dibawah fasal 2.6 Perjanjian Agensi.

Sekian. Terima kasih

**“ Membangunkan Ekonomi Sejahtera “**

**KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD**

MUHAMMAD KHAIRI BIN KASSIM

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**